

24 SEP 2003

MAHATHIR-IQJ/I

PM AKAN LANCAR INVENTQJAYA BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan InventQjaya (IQJ), sebuah makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) mega seluas 28,000 meter persegi di Cyberjaya pada 11 Okt ini.

Satu usaha sama yang disokong oleh kerajaan, dengan Reveo yang berpangkalan di Amerika Syarikat, makmal sains terkini yang berorientasikan ciptaan dibiayai khas bagi membantu memastikan kejayaan Wawasan 2020.

Satu daripada objektifnya ialah untuk menggalakkan saintis Malaysia yang bekerja di luar negara untuk pulang ke negara ini dan menyertai IQJ dalam misinya bagi menukarkan Malaysia kepada pencipta yang unggul di samping mengekalkan nilai-nilai tempatan.

IQJ merupakan perkembangan daripada Makmal 'Fast Track' IQJ yang dilancarkan Dr Mahathir dan Reveo pada Januari tahun ini, yang bertujuan untuk menunjukkan kemampuan dan kredibiliti Reveo bagi pembinaan kemudahan tetapnya.

"Apabila Perdana Menteri kembali ke Makmal 'Fast Track' pada 22 Jun, projek berkenaan telah mencapai apa yang ditetapkan kepadanya, menghasilkan lebih daripada komited," kata pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Reveo, Dr Sadeg Mustafa Faris, dalam satu kenyataan hari ini.

"Ini termasuk pemindahan lima teknologi, penubuhan struktur makmal dan mengambil bekerja dan melatih 23 saintis tempatan serta juruteknik, mendahului jadual.

"Dengan Portfolio Teknologi Edison (ETP) kami, kami menasarkankan untuk membawa semangat Thomas Edison ke Cyberjaya," kata beliau.

Dengan menggunakan revolusi Reveo iaitu proses 'InventQbation', IQJ akan "mencipta, menemui dan menginovasi" industri global baru yang akan menjadi syarikat dominan bagi masa depan ekonomi pengetahuan Malaysia kata beliau.

Dr Faris berkata semasa lawatan Dr Mahathir ke makmal Reveo di New York, beliau menunjukkan minat yang mendalam dalam model 'InventQbation' syarikat.

"Ianya konsisten dengan konsep Wawasan 2020 Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia negara maju sepenuhnya. Itulah sebab wujudnya Reveo di Cyberjaya," kata beliau.

Beliau berkata IQJ disiapkan untuk menjadi pusat penyelidikan utama bagi teknologi terkini dengan mengeluarkan beberapa paten penciptaan dan syarikat-syarikat lanjutan.

Berpangkalan di Elmsford, New York, Reveo Inc adalah untuk penciptaan teknologi baru yang penting dan inkubasi perniagaan yang mengkomersialkan dan memajukan teknologi berkenaan.

Ia mempunyai kakitangan penyelidikan yang berpengalaman dalam teknologi-nano, elektrokimia, mikroelektronik, bahan sains dan teknologi maklumat. -- BERNAMA

MAS TJK NHD